

PROGRAM GANJARAN UNIRINGGIT 2020
TERMA & SYARAT

Penyertaan dalam Program Ganjaran UNIRinggit UOBM adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat di bawah dan Perjanjian Ahli Kad VISA/MASTERCARD UOB (“Perjanjian Ahli Kad”).

1. Program Ganjaran UNIRinggit (“Program”) United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (“UOBM”) akan bermula 1 Januari 2020 sehingga masa yang ditentukan oleh UOBM dengan budi bicara mutlak.

2. Program ini dibuka kepada semua Ahli Kad utama (“Ahli Kad”) kecuali mereka yang tergolong di bawah :

- a) Ahli Kad Kredit UOBM yang tidak sah, digantung atau ditamatkan dan/atau akaun-akaunnya yang dianggap delinkuen yang ditentukan oleh UOBM;
- b) Ahli Kad Kredit UOBM yang mempunyai Kad Kredit UOBM di bawah syarikat dan/atau korporat;
- c) Ahli Kad Kredit Label Peribadi UOBM;
- d) Ahli Kad Kredit Visa ONE Classic UOBM, Visa ONE Platinum UOBM, Kad Basic Visa UOBM, Kad Kelab UOBM, Kad YOLO UOBM dan/atau Kad Debit MasterCard UOBM.

3. Program ini membenarkan Ahli Kad untuk mendapatkan satu (1) UNIRinggit untuk setiap RM1.00 yang dicajkan dan didebitkan kepada akaun Kad Kredit UOBM untuk sebarang perbelanjaan runcit. UOBM berhak untuk membetulkan dan/atau meminda peruntukan UNIRinggit untuk amaun yang dicajkan dan didebitkan kepada Kad Kredit UOBM dengan memberi notis terdahulu kepada Ahli Kad. Ahli Kad akan terikat kepada pembetulan dan/atau pemindaan ini.

4. Transaksi petrol, transaksi kerajaan, transaksi bil utiliti, transaksi badan kebajikan, transaksi top up, transaksi Pendahuluan Tunai, Pemindahan Baki, Pelan Flexi-Credit, Pelan Pembayaran Balik Ansuran 0% kadar faedah, caj bayaran lewat, caj kewangan, transaksi yang dipertikaikan dan/atau palsu dan lain- lain yuran serta caj selain daripada amaun permbelian runcit yang dicajkan dan didebitkan ke dalam akaun(-akaun) Kad Kredit UOBM tidak akan layak di bawah Program ini dan tidak akan layak untuk mendapatkan UNIRinggit.

5. Semua caj kepada akaun Kad Kredit Ahli Kad Utama dan akaun Kad Kredit Ahli Kad Tambahan akan digabungkan untuk menentukan pengumpulan UNIRinggit. Di bawah Program ini, hanya Ahli Kad Utama layak untuk membuat penebusan dengan UNIRinggit yang diperolehi.

6. Ahli Kad akan mendapat UNIRinggit pada tarikh pemprosesan caj oleh UOBM dan didebitkan ke dalam akaun Kad Kredit Ahli Kad dan bukan tarikh transaksi pembelian runcit yang dibuat oleh AhliKad.

7. UNIRinggit yang diperolehi oleh Ahli Kad tidak mempunyai nilai wang.

8. UNIRinggit yang diperolehi oleh Ahli Kad boleh didapati di dalam Penyata Akaun yang dikeluarkan oleh UOBM kepada AhliKad.

9. UNIRinggit yang diperolehi oleh Ahli Kad akan tamat tarikhnya pada hari terakhir suku tahun, tiga (3) tahun dari tarikh perolehan UNIRinggit (“Tarikh Tamat UNIRinggit”).

Contoh:

No	Perolehan UNIRinggit	Tarikh Tamat
1	Dari Januari – Mac 2020	31 Mac 2023
2	Dari April – Jun 2020	30 Jun 2023
3	Dari Julai – September 2020	30 September 2023
4	Dari Oktober – Disember 2020	31 Disember 2023

PNEBUSAN MENGGUNAKAN UNIRINGGIT UNTUK HADIAH

10. Bergantung kepada stok produk dan baucar yang sedia ada (“Hadiah”), Hadiah yang dipaparkan di dalam Katalog UNIRinggit (“Katalog”) adalah sah untuk penebusan dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020. Penebusan Hadiah yang dipaparkan di dalam Katalog mesti dibuat pada atau sebelum 31 Disember 2020. Pelanjutan tempoh penebusan tidak akan dibenarkan.

11. Semua UNIRinggit yang tidak digunakan atau ditebus pada masa Tarikh Tamat UNIRinggit seperti yang dinyatakan oleh UOBM akan dibatalkan.

12. UOBM berhak untuk menarik balik atau menggantikan Hadiah dengan barang yang mempunyai nilai yang sama pada bila-bila masa dalam tempoh kesahan Katalog dengan memberi notis terdahulu.

13. Ahli Kad yang mempunyai UNIRinggit yang mencukupi dibenarkan menebus Hadiah atau Hadiah-Hadiah daripada mana-mana kategori dalam tempoh sah Katalog kecuali jika dinyatakan sebaliknya di dalam Katalog.

14. Ahli Kad dibenarkan untuk menggabungkan UNIRinggit yang diperolehi daripada akaun-akaun Kad Kredit UOBM mereka untuk membuat penebusan Hadiah. Walaupun bagaimanapun, Ahli Kad tidak dibenarkan menggabungkan UNIRinggit yang diperolehi daripada akaun-akaun Kad Kredit UOBM Ahli Kad yang lain.

15. Jika terdapat Hadiah yang dipaparkan di dalam Katalog yang boleh ditebus dengan penggabungan UNIRinggit dan pembayaran harga yang dinyatakan (“FastTrack”), Ahli

Kad memberi kuasa kepada UOBM untuk mendebitkan akaun Kad Kreditnya untuk pembayaran tersebut.

16. Ahli Kad boleh membuat penebusan dengan UNIRinggit mereka dengan menghubungi Pusat Talian UOB atau penebusan secara online melalui www.uob.my/unirm.

17. Semua permintaan penebusan akan diproses berdasarkan tiba-dahulu-layan-dahulu dan tertakluk kepada amaun terkumpul UNIRinggit yang mencukupi dan stok Hadiah di dalam Katalog yang sedia ada pada masa penebusan Hadiah. Permintaan untuk menebus Hadiah tidak akan diproses jika akaun-akaun Ahli Kad tidak mempunyai UNIRinggit yang mencukupi.

18. Hadiah akan dihantar melalui kurier ke alamat-alamat di dalam Malaysia sahaja pada waktu pejabat (Isnin-Jumaat, 0900-1800). Tiada penghantaran kepada alamat-alamat peti surat. UOBM berhak mengenakan caj penghantaran semula ke atas Ahli Kad yang meminta untuk menukar alamat penghantaran.

19. Semua caj untuk percubaan penghantaran kali kedua akan ditanggung oleh Ahli Kad jika penghantaran pertama kali gagal disebabkan oleh alamat yang diberi oleh Ahli Kad tidak sah atau kerana syarikat kurier gagal membuat penghantaran pada kali pertama atau sebab-sebab lain yang mungkin. Hadiah akan dikembalikan kepada vendor yang dilantik jika Ahli Kad tidak mengambil Hadiah dari cawangan Pos Laju dalam tempoh 5 hari bekerja.

20. UOBM berhak untuk mendebitkan akaun Ahli Kad untuk caj penghantaran yang dikenakan untuk percubaan penghantaran kali kedua dan yang selanjutnya. Caj penghantaran yang terkini akan dikenakan.

21. Jika Ahli Kad tidak menerima Hadiah di alamat penghantaran, Ahli Kad mesti menghubungi syarikat perkhidmatan kurier pada tempoh masa yang diberi seperti yang dinyatakan dalam "kad percubaan" (yang ditinggalkan oleh syarikat perkhidmatan kurier) untuk memungut Hadiah.

22. Tertakluk kepada butir 21 di atas, jika sebarang Hadiah(-hadiah) yang dipulangkan tidak dituntut, penjual/rakan dagang yang terlibat atau UOBM akan memaklumkan Ahli Kad melalui telefon dalam masa lima (5) hari bekerja selepas menerima Hadiah(-hadiah) yang tidak dituntut itu. Jika Ahli Kad masih tidak dapat dihubungi, satu "Surat Penghantaran Gagal" akan dikirim kepada Ahli Kad. Ahli Kad perlu menjawab surat itu dalam masa empat belas (14) hari kalendar dari tarikh pengeluaran surat tersebut untuk menyusun penghantaran/pemungutan Hadiah(-hadiah) tersebut. Pesanan penebusan akan dibatalkan jika tiada sebarang jawapan dari Ahli Kad selepas empat belas (14) hari

kalender dari tarikh pengeluaran surat tersebut dan amaun UNIRinggit yang digunakan akan dikreditkan semula ke dalam akaun Kad Kredit Ahli Kad.

23. Hadiah akan dihantar seperti didalam Jadual A dibawah dari tarikh pemprosesan pesanan penebusan oleh pembekal. Penukaran alamat penghantaran hanya dibenarkan jika Hadiah belum dihantar kepada Ahli Kad.

Jadual A:

Lokasi Penghantaran	No. Hari Bekerja
Kawasan Lembah Klang dan Selangor	Dalam 7 hari bekerja
Luar kawasan Lembah Klang dan Selangor	Dalam 14 hari bekerja
Sabah dan Sarawak	Dalam 21 hari bekerja

24. Ahli Kad atau penerima Hadiah adalah diwajibkan untuk memberi dokumen pengenalan kepada kakitangan kurier dan kakitangan kurier berhak menarik balik penghantaran jika Ahli Kad atau penerima gagal memberi dokumen pengenalan dan Hadiah tersebut akan dipulangkan kepada UOBM sebagai Hadiah yang tidak dituntut.

25. Bukti penghantaran Hadiah adalah pengakuan penerimaan oleh penerima di alamat penghantaran dan jika alamat sebegini merupakan premis pejabat, penerimaan oleh mana-mana kakitangan pejabat itu akan diambil kira sebagai pengakuan penerimaan oleh Ahli Kad.

26. Jika Ahli Kad tidak menerima Hadiah pada tarikh tamat enam puluh (60) hari dari tarikh pemprosesan pesanan penebusan oleh penjual ("Tempoh Penghantaran"), ia adalah tanggungjawab Ahli Kad untuk memaklumkan UOBM mengenai perkara ini dalam masa dua (2) bulan dari tarikh tamat Tempoh Penghantaran. UOBM akan menyusun penghantaran Hadiah kepada Ahli Kad selepas pengesahan dari ejen yang Hadiah itu belum dihantar. Ahli Kad tidak berhak mengambil tindakan guaman terhadap UOBM pada tarikh tamat dua (2) bulan dari tempoh tamat Tempoh Penghantaran dan Ahli Kad akan dianggap telah menerima Hadiah tersebut.

27. Ahli kad perlu memeriksa semua Hadiah yang diterima. Kecuali jika Hadiah yan rosak, semua Hadiah yang ditebus tidak boleh dipulang untuk tunai atau kredit atau ditukar. Tiada tempoh bertenang untuk semua Hadiah yang ditebus atau dibeli di bawah Program ini.

28. Jika Hadiah yang dihantar melalui pos atau kurier mengalami sebarang kerosakan, Ahli Kad atau penerimanya dikehendaki membuat laporan dengan menghubungi pembekal di +603-77108103 atau Pusat Talian UOB di +603-26128 121 dalam masa empat puluh lapan (48) jam dari penerimaan Hadiah. Sebarang tuntutan yang dibuat selepas empat puluh lapan (48) jam tidak akan dilayan dan sebarang pertikaian yang berkaitan dengan Hadiah(-hadiah) mesti diselesaikan di antara Ahli Kad dan pembekal atau pengilangnya.

29. Berdasarkan Butir 28 di atas, Ahli Kad akan menyatakan butir-butir kerosakan yang sedia dalam pesanan penghantaran dan mengembalikannya bersama dengan Hadiah yang rosak kepada syarikat perkhidmatan kurier dalam masa lima (5) hari bekerja dari tarikh penerimaan Hadiah. Pemulangan yang dibuat selepas tempoh lima (5) hari bekerja tidak akan dilayan. Hadiah beserta jaminan yang memerlukan pembaikan mesti dihantar terus kepada pengeluar atau pembekal oleh Ahli Kad. Jika Ahli Kad ingin Bank mengendalikan pembaikan tersebut bagi pihak Ahli Kad, bayaran akan dicajkan kepada akaun Ahli Kad.

30. Hadiah yang dikeluarkan berkaitan dengan tawaran oleh rakan dagang yang terlibat adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh rakan dagang yang terlibat dan ia merangkumi stok yang terhad dan tempoh sah. UOBM atau rakan dagang yang terlibat tidak akan membayar balik bahagian nilai sijil/baucar yang tidak digunakan.

31. Hadiah yang diberi tidak boleh dianggap sebagai tempahan untuk perkhidmatan, ganjaran atau produk. Ahli Kad bertanggungjawab untuk membuat tempahan atau pengesahan dengan semua rakan dagang yang terlibat.

32. Jika Hadiah yang dihantar kepada Ahli Kad rosak atau tidak lengkap, hilang atau dicuri, UOBM tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad dan tidak ada obligasi yang dikenakan ke atas UOBM atau pedagang yang mengambil bahagian dalam apa jua keadaan untuk memberi sebarang pampasan atau penggantian dan ini termasuk pampasan wang kepada Ahli Kad.

PNEBUSAN MENGGUNAKAN UNIRINGGIT UNTUK AIRMILE

33. Untuk penebusan airmiles, Ahli Kad mesti mendaftarkan atau menjadi ahli sedia ada bagi Program *Frequent Flyer* syarikat penerbangan yang sedia ada.

34. Semua penebusan pesawat udara hendaklah dibuat dari Ahli Kad Utama kepada Ahli Utama Program *Frequent Flyer* yang mana mereka didaftarkan, mana-mana pemindahan pihak ketiga tidak akan dilayan.

35. Selain daripada semua terma dan syarat yang berkaitan yang mengawal Terma dan Syarat ini, Ahli Kad tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal Program *Frequent Flyer* masing-masing.

PNEBUSAN MENGGUNAKAN UNIRINGGIT UNTUK YURAN TAHUNAN

36. Ahli Kad Utama boleh menggunakan UNIRingggit untuk menebus caj yuran tahunan untuk Kad Kredit Utama. UNIRingggit tidak boleh digunakan untuk menebus caj yuran tahunan untuk Kad Kredit Tambahan.

PENEBUSAN MENGGUNAKAN UNIRINGGIT UNTUK PULANGAN TUNAI

37. Pulangan tunai akan dikreditkan dalam akaun Kredit Kad Ahli Kad Utama dalam empat (4) minggu selepas menerima permintaan penebusan Ahli Kad.

38. Untuk penebusan Pulangan Tunai, Ahli Kad masih perlu membayar pada atau sebelum Tarikh Bayaran Dikenakan, baki tertunggak dalam Penyata Akaun; atau Bayaran Minimum.

TERMA & SYARAT AM

39. Semua Ahli Kad Utama layak untuk menyertai Program ini jika Ahli Kad Utama dan/atau Ahli Kad Tambahan tidak melanggar sebarang terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad. Semua akaun mesti dikendalikan dalam keadaan yang memuaskan.

40. Ahli Kad Utama yang mempunyai Kad Kredit yang telah ditamatkan atas sebarang sebab akan kehilangan kelayakkannya untuk menyertai Program ini secara terus dan UNIRinggit yang terkumpul oleh Ahli Kad sebegini akan dibatalkan secara terus. Ahli Kad Utama tidak akan kehilangan kelayakkannya jika Kad Tambahan ditamatkan.

41. Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai lain-lain atau levi dari tarikh Program disediakan kepada Ahli Kad atau di mana-mana tarikh selepas, yang diperlukan oleh undang-undang untuk dibayar kepada mana-mana badan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas UOBM, berkenaan dengan sebarang fi dan caj yang dikenakan atau ditanggung oleh UOBM berhubung dengan penyediaan Program kepada Ahli Kad dan penebusan UNIRinggit di bawah Program oleh Ahli Kad.

42. Ahli Kad membenarkan dan bersetuju bahawa sebarang cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai lain-lain atau levi yang dikenakan oleh UOBM berhubung dengan Program ini (termasuk penebusan UNIRinggit melalui Program ini) yang disediakan oleh UOBM kepada Ahli Kad, hendaklah ditanggung oleh dan dikenakan kepada Ahli Kad dan sekiranya UOBM membuat bayaran bagi pihak Ahli Kad, Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar balik kepada UOBM untuk apa-apa amaun yang dibayar dan UOBM berhak untuk kredit cukai, duti dan levi yang berkaitan kepada Akaun Kad Kredit Ahli Kad.

43. Benefisiari Ahli Kad atau wakil peribadi tidak berhak membuat tuntutan untuk UNIRinggit yang dikumpul oleh Ahli Kad.

44. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang ciri produk atau perkhidmatan yang bercanggah atau tidak jelas yang ditawarkan di bawah Program ini oleh rakan dagang yang terlibat atau pengendali pihak ketiga, pembekal perkhidmatan atau pembekal. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan, kerugian, kecederaan atau kehilangan nyawa akibat penebusan Hadiah.

45. Jika terdapat ketidaksejajaran di antara kandungan Katalog Produk (fail PDF) dan Laman Utama Katalog UNIRinggit, kandungan dalam Laman Utama Katalog UNIRinggit akan digunakan.

46. UOBM tidak akan melayani sebarang permintaan Ahli Kad untuk membuat pembatalan atau penukaran pesanan Hadiah yang telah dipilih selepas Borang Penebusan UNIRinggit diterima oleh UOBM. Ahli Kad tidak boleh menganggap penerimaan Borang Penebusan UNIRinggit sebagai bukti pesanan oleh UOBM dan ketersediaan stok.

47. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran transaksi penjualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, syarikat rakan dagang, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi atau lain-lain pihak yang mungkin menjejaskan kelayakan Ahli Kad untuk Program ini.

48. Bukti pembelian tidak boleh dianggap sebagai bukti perbelanjaan yang layak untuk tujuan Program ini. Hanya perbelanjaan yang layak seperti yang diterbitkan di dalam Akaun Penyata Ahli Kad dikirasah.

49. UOBM tidak akan bertanggungjawab ke atas Ahli Kad untuk sebarang kegagalan dan/atau kesilapan dalam pemprosesan Borang Penebusan UNIRinggit UOBM yang dikemukakan oleh Ahli Kad.

50. UOBM berhak membatalkan, menolak atau mengira semula UNIRinggit yang terkumpul dalam akaun Kad Kredit Ahli Kad untuk tujuan membetulkan apa-apa kesilapan, kesalahan atau ketidaktepatan dalam peruntukan UNIRinggit.

51. Rekod UOBM adalah muktamad dan terikat dan akan digunakan pada bila-bila masa dalam menentukan perolehan UNIRinggit Ahli Kad.

52. Perolehan UNIRinggit tidak boleh dipindahkan atau ditukar kepada tunai.

53. Ahli Kad bersetuju dan membenarkan UOBM untuk mengemukakan atau mengumumkan kepada semua rakan dagang atau pengendali pihak ketiga, penyedia perkhidmatan dan pembekal, sebarang maklumat berkenaan dengan Ahli Kad untuk memenuhi tanggungjawab UOBM di bawah Program ini. Ahli Kad membenarkan serta mengesahkan bahawa tiada sebarang persetujuan lanjutan yang diperlukan dari Ahli Kad dan UOBM tidak akan dipertanggungjawabkan kerana mendedahkan maklumat tersebut.

54. UOBM mempunyai kebebasan untuk menetap atau memindahkan kesemua hak dan tanggungjawabnya yang terkandung atau sebahagian daripada Program kepada mana-mana rakan dagang atau pengendali pihak ketiga, penyedia perkhidmatan atau pembekal yang dianggap layak oleh UOBM.

55. Keputusan UOBM untuk semua hal berkaitan dengan Program Ganjaran UNIRinggit UOB adalah muktamad dan terikat kepada Ahli Kad dan tiada surat-menyurat, aduan, tuntutan oleh Ahli Kad akandilayan.

56. Kesemua aksesori tambahan atau peralatan yang dipaparkan bersama dengan Hadiah di dalam gambar-gambar yang terkandung di dalam catalog adalah bagi tujuan dekoratif dan ilustrasi sahaja dan bukan sebahagian daripada Hadiah-hadiah yang akan ditebus oleh Ahli Kad.

57. UOBM tidak bertanggungjawab bagi apa-apa salah nyata atau salah nyata fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak berkenaan dengan Program dan / atau Hadiah-hadiah dan disiarkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan besar-besaran.

58. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada mereka diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan besar-besaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada , apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen inidan Hadiah-Hadiah.

59. UOBM berhak untuk menambah, memotong , menggantung atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi dua puluh satu (21) hari notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM dan / atau memasukkan pernyataan ke dalam penyata Akaun.

60. UOBM berhak membatalkan, menghentikan atau menggantung Program ini dengan notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, pemberhentian atau penggantungan Program oleh UOBM tidak akan melayakkan Ahli Kad untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk apa jua dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat daripada pembatalan, pemberhentian atau penggantungan tersebut.

61. Terma dan Syarat ini merupakan tambahan kepada Terma dan Syarat yang ternyata di Persetujuan Ahli Kad dan dibaca bersama dengan terma dan syarat produk yang ditebus. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, Terma dan Syarat ini akan dikekalkan dan digunakan untuk Program ini.

62. Tanpa menjejaskan syarat-syarat yang terkandung di sini, Ahli Kad bersetuju bahawa UOBM tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kegagalan atau kegagalan untuk melaksanakan mengikut yang berkaitan dengan Program ini, sama ada disebabkan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana faktor dalam bentuk force majeure termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa perbuatan Tuhan, bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, keganasan, wabak, penguncian, aksi perindustrian, atau sebarang kejadian di luar kawalan UOBM yang munasabah.

63. Terma dan syarat ini adalah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa yang tidak eksklusif mahkamah Malaysia.